



DIKELUARKAN OLEH JABATAN MUFTI PERLIS

CARA DAN WAKTU BERDOA YANG MUSTAJAB

(TEKS KHUTBAH JUMAAT 1 NOVEMBER 2024 MASIHI/29
RABIUL AKHIR 1446 HIJRAH)

CARA DAN WAKTU BERDOA YANG MUSTAJAB

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَخَيْرُ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا، وَكُلَّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٍ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ، وَكُلَّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ.

Sidang Jumaat Yang Berbahagia,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan mentaati segala titah perintahnya dan meninggalkan segala larangannya. Kita bersyukur kepada Allah SWT kerana kita dapat hidup dengan aman dan damai. Mudah-mudahan dengan nikmat tersebut kita dapat melaksanakan ibadat kepada Allah SWT serta menjadi seorang mukmin yang berjaya di dunia dan di akhirat. Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah; “**CARA DAN WAKTU BERDOA YANG MUSTAJAB**”.

Sidang Jumaat Yang Dimuliakan,

Doa memiliki kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT. Amalan berdoa merupakan suatu ibadah yang sangat dituntut dalam Islam. Rasulullah SAW bersabda;

الدُّعَاءُ هُوَ الْعِبَادَةُ

Ertinya; ***“Doa itu adalah ibadah”***. (Hadis Sahih, Riwayat Abu Daud)

Allah SWT amat menyukai hambaNya yang rajin berdoa tanpa mengira waktu dan keadaan. Mereka yang istiqamah dalam berdoa secara tidak langsung telah menjadikan dirinya dekat dengan Allah SWT. Allah SWT berfirman:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ﴿١٨٦﴾

Maksudnya; ***“Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah), bahwasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila dia memohon kepada-Ku”***. (Surah al-Baqarah, Ayat 186)

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Allah,

Terdapat banyak cara berdoa dan juga waktu berdoa yang mustajab untuk kita berdoa atau memohon sesuatu hajat kepada Allah SWT. Sepertimana yang telah diajarkan oleh baginda Rasulullah SAW kepada kita. Antaranya ialah;

Yang Pertama: Berdoa kepada Allah SWT dengan mengangkat kedua belah telapak tangan. Nabi SAW bersabda:

إِذَا سَأَلْتُمُ اللَّهَ فَاسْأَلُوهُ بِطُورٍ أَكْفَكُمُ وَلَا تَسْأَلُوهُ بِظُهُورِهَا

Ertinya; ***“Jika kamu meminta (doa) kepada Allah maka mintalah (doa) dengan mengangkat (kedua belah) tapak tangan dan janganlah kamu meminta (doa) dengan mengangkat (bahagian) belakang tapak tangan”***. (Hadis Hasan Sahih, Riwayat Abu Daud)

Cara mengangkat kedua belah tapak tangan ialah dengan kita mengangkat kedua telapak tangan kita ke arah wajah sepertimana yang dicontohkan oleh baginda Rasulullah SAW, atau dengan cara kita mengangkat kedua telapak tangan hingga nampak bahagian dalam ketiak. Sepertimana Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ عَبْدٍ يَرْفَعُ يَدَيْهِ حَتَّى يَبْذُو إِبْطَهُ يَسْأَلُ اللَّهَ مَسْأَلَةً إِلَّا آتَاهَا إِيَّاهُ

Ertinya: ***“Tidaklah seorang hamba mengangkat kedua belah (tapak) tangannya hingga nampak ketiaknya (ketika berdoa untuk) memohon sesuatu permohonan, kecuali Allah mengabulkan permohonannya”***. (Hadis Sahih, Riwayat Attirmizi)

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian,

Yang Kedua; Berdoa kepada Allah SWT dengan memulai ucapan hamdalah (puji-pujian) kepada Allah serta berselawat kepada baginda Nabi SAW. Cara seperti ini akan menjadi sebab yang kuat untuk doa tersebut dimustajabkan. Nabi SAW bersabda:

إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَبْدَأْ بِتَحْمِيدِ اللَّهِ وَالثَّنَاءِ عَلَيْهِ ثُمَّ لْيُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ لْيَدْعُ بَعْدَ مَا شَاءَ

Ertinya: ***“Apabila salah seorang kamu berdoa maka hendaklah dia memulai dengan mengucapkan puji-pujian kepada Allah kemudian berselawat ke atas Nabi SAW, setelah itu dia berdoa (memohon) apa sahaja yang dia kehendaki”***. (Hadis Hasan Sahih, Riwayat Attirmizi)

Oleh itu, jika kita meninggalkan selawat ke atas baginda Nabi SAW ketika berdoa maka doa kita akan terhalang. Sepertimana Umar RA berkata, (maksudnya); ***“Sesungguhnya sesuatu doa itu akan terhenti di antara langit dan bumi, tidaklah akan naik sesuatu (doa) sehingga kamu berselawat ke atas Nabi SAW (ketika berdoa)”***. (Hasan, Riwayat Attirmizi)

Yang Ketiga: Berdoa dengan menggunakan Al-Asma' Ul Husnaa (Nama-nama Allah Yang Baik). Sepertimana Allah SWT memerintahkan kita supaya berdoa kepadaNya dengan menggunakan Nama-NamaNya Yang Maha Mulia dalam surah Al-A'raf ayat 180;

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ۖ

Maksudnya: *"Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadaNya dengan menyebut nama-nama itu".*

Sidang Jumaat Yang Dimuliakan,

Yang Keempat: Berdoa ketika sujud di dalam solat. Rasulullah SAW juga mengajarkan kepada kita supaya banyak berdoa kepada Allah SWT dalam keadaan sujud ketika solat. Sepertimana Rasulullah SAW bersabda:

أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الْعَبْدُ مِنْ رَبِّهِ وَهُوَ سَاجِدٌ فَأَكْثِرُوا الدُّعَاءَ

Ertinya: *"(Waktu yang) Paling hampir (seseorang) hamba itu dengan tuhanNya ialah ketika dia dalam keadaan bersujud, maka banyakkkanlah doa (ketika dalam keadaan kamu bersujud)".* (Hadis Riwayat Muslim).

Yang Kelima: Berdoa dengan penuh keyakinan bahawa doa kita akan dikabulkan oleh Allah SWT, serta memberikan sepenuh tumpuan ketika berdoa. Rasulullah SAW bersabda:

ادْعُوا اللَّهَ وَأَنْتُمْ مُوقِنُونَ بِالْإِجَابَةِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَجِيبُ دُعَاءَ مَنْ قَلْبٍ غَافِلٍ

لَا

Ertinya: *"Berdoalah kamu kepada Allah dalam keadaan kamu yakin akan dimustajabkan. Ketahuilah sesungguhnya Allah tidak menerima doa dari jantung hati yang lalai dan alpa".* (Hadis Hasan, Riwayat al-Tirmizi).

Yang Keenam: Berdoa pada waktu sepertiga malam yang terakhir, sepertimana Rasulullah SAW bersabda;

يَنْزِلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا حِينَ يَبْقَى ثُلُثُ اللَّيْلِ الْآخِرِ
يَقُولُ مَنْ يَدْعُونِي فَأَسْتَجِيبَ لَهُ مَنْ يَسْأَلُنِي فَأُعْطِيَهُ مَنْ يَسْتَغْفِرُنِي فَأَغْفِرَ لَهُ.

Ertinya; "*Tuhan kita (yakni Allah) Yang Maha Suci Dan Maha Tinggi turun kelangit dunia pada setiap malam (diwaktu) sepertiga malam yang akhir lalu dia berfirman, barangsiapa yang berdoa kepadaKu maka akan Aku kabulkan (doanya), barangsiapa meminta kepadaKu maka akan Aku berikan kepadanya, barangsiapa yang memohon keampunan kepadaKu maka Aku ampunkannya*". (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Yang Ketujuh: Berdoa di antara waktu azan dan iqamat. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الدُّعَاءَ لَا يُرَدُّ بَيْنَ الْأَذَانِ وَالْإِقَامَةِ فَادْعُوا

Ertinya: "*Sesungguhnya doa yang tidak tertolak (adalah doa yang dimohon) di antara waktu azan dan iqamat, maka berdoalah (pada waktu itu)*". (Hadis Sahih, Riwayat Ahmad)

Oleh itu, hendaklah kita datang awal ke masjid untuk kita berdoa serta memperolehi doa yang mustajab diantara waktu azan dan iqamat.

Inilah antara beberapa cara atau adab ketika berdoa. Terdapat banyak lagi cara atau adab berdoa yang diajarkan oleh Islam. Mudah-mudahan kita dapat mengamalkannya.

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian,

Untuk mengakhiri khutbah Jumaat yang pertama pada hari yang mulia ini maka khatib ingin berpesan kepada diri sendiri dan para jemaah. Bahawa Allah SWT Maha Mendengar dan memperkenankan doa para hambaNya. Ada beberapa sebab yang boleh menyebabkan doa kita tertolak atau tidak diterima oleh Allah SWT.

Antaranya ialah kerana makanan, minuman dan pakaian kita dari sumber yang haram dan darah daging kita juga tumbuh dari sumber yang haram, sepertimana yang tersebut dalam sebuah hadis riwayat Imam Muslim ;

ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبِّ يَا رَبِّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ
وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ.

Ertinya: "*(Nabi SAW) telah menceritakan (tentang) seorang lelaki yang telah menempuh perjalanan yang jauh (sehingga rambutnya menjadi) kusut masai dan berdebu. Orang itu menadah tangannya ke langit (lalu dia berdoa): Wahai Tuhanku! Wahai Tuhanku!. Padahal makanannya dari barang yang haram, minumannya dari yang haram, pakaiannya dari yang haram dan dia dibesarkan dengan makanan yang haram. Maka bagaimanakah Allah akan memperkenankan doanya*".

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Allah,

Kita tidak memerlukan perantaraan manusia yang telah meninggal dunia untuk kita berdoa atau memohon sesuatu hajat kepada Allah SWT. Justeru, kita hendaklah berdoa terus kepada Allah SWT sahaja, tidak kepada selainnya. Allah SWT berfirman dalam Surah Ghafir Ayat 60;

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: "*Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kepada-Ku, nescaya akan aku perkenankan (doa-doa) kamu*".

Semoga kita sentiasa dipelihara oleh Allah SWT dari segala jenis amalan doa yang terkandung unsur-unsur syirik serta menyeleweng dan boleh merosakkan akidah kita.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Allah Sekalian,

Salah satu sunnah yang diajar oleh Nabi SAW kepada kita ialah membaca doa' ketika hendak masuk ke dalam masjid. Terdapat banyak doa' masuk masjid yang sahih, yang diajar oleh Nabi SAW. Diantara salah satu lafaz doa' masuk masjid yang dibaca oleh Nabi SAW yang berbunyi:

أَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ وَبِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ وَسُلْطَانِهِ الْقَدِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Ertinya; ***“Aku berlindung kepada Allah yang Maha Agung, dengan wajah-Nya yang Mulia, dengan kekuasaan-Nya yang qadim, daripada gangguan syaitan yang direjam”.***
(Hadis Sahih Riwayat Abu Daud)

Ketika Nabi SAW hendak masuk ke dalam masjid, baginda membaca doa' di atas. Kemudian baginda bersabda (Ertinya); ***“Apabila seseorang membaca (doa masuk masjid) ini maka syaitan berkata; Dia dipelihara (oleh Allah) dari (gangguan) aku sepanjang hari ini”.***(Hadis Sahih Riwayat Abu Daud)

Marilah sama-sama kita mengamalkan sunnah doa memasuki masjid. Mudah-mudahan kita memperoleh kelebihan tersebut dengan membaca doa ini.

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian,

Sesungguhnya, Allah SWT berfirman dalam surah Al-Ahzab Ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ، وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat ke atas Nabi, maka wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu berselawat dan salam ke atas Nabi*”.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَقَاضِي
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah!, Ya Ghaffar! Engkau ampunilah seluruh kaum muslimin sama ada yang hidup ataupun yang telah mati. Ya Allah! Engkau berikan petunjuk hidayah serta rahmat-Mu kepada kami sekalian hamba-hamba-Mu dan kepada pemimpin kami terutamanya Raja pemerintah Negeri Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail serta kaum kerabat Baginda, supaya sentiasa beramal dengan kitab-Mu dan sunnah nabi-Mu Muhammad SAW dan Engkau lanjutkanlah usia baginda berdua dalam keadaan selamat, sihat sejahtera dan dengan kesihatan yang baik yang telah Engkau kurniakan kepada baginda berdua maka tertegaklah pemerintahan yang adil lagi diredhai oleh-Mu.

Ya Allah!, Ya Rahman! Kami memohon kepada-Mu dengan segala kerendahan diri sebagai hamba-Mu. Engkau indahkanlah akhlak kami. Engkau perbaikilah pergaulan antara kami. Engkau jadikanlah kami umat Islam yang bermentaliti kelas pertama dalam

tindakan. Engkau peliharalah kami dari penyakit lemah, malas, berfikiran dangkal dan buruk budi pekerti.

Ya Allah!, Ya Raafi'! Engkau angkatlah martabat setiap hamba-Mu yang berpegang dengan Al-Quran dan sunnah Nabi-Mu. Berilah kekuatan kepada kami untuk menghindari amalan syirik, bid'ah, khurafat dan maksiat.

Ya Allah!, Ya Rahim! Engkau limpahkanlah Negeri Perlis ini dengan keberkatan. Engkau bimbinglah kami penduduknya kepada amalan soleh yang engkau redha. Penuhi jiwa kami dengan mencintai agama-Mu.

Ya Allah!, Ya Raqib! Engkau jauhkanlah kami dari bala dan kerosakan. Engkau tambahkanlah nikmat-Mu kepada kami. Engkau berikanlah kepada kami kebahagiaan hidup di dunia dan di hari akhirat.

Ya Hayyu!, Ya Qayyum! Engkau selamatkanlah umat Islam yang dizalimi, ditindas, dijajah dan diperangi di Palestin.

Ya Allah!, Ya Nasiir! Engkau berikanlah pertolongan dan kemenangan kepada para pejuang yang berjihad untuk membela agamaMu dan memerangi musuh-musuh-Mu di Palestin.

Ya Allah!, Ya Qahhar! Engkau kenakanlah kecelakaan kepada musuh-musuh saudara kami di Palestin, dan timpakanlah ke atas mereka balasan kemurkaan-Mu pada hari ini, esok dan seterusnya. Ya Allah! Engkau cerai-beraikanlah kumpulan mereka, Ya Allah! Engkau pisahkanlah kesatuan mereka, Ya Allah! Engkau kurangkanlah jumlah mereka.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى

نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي

الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.